

Antara Ajaran Islam Yang Mesti Dilaksanakan

١٤- وَعَنْ طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدِ اللَّهِ قَالَ جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ أَهْلِ نَجْدٍ ثَائِرِ الرَّأْسِ نَسْمَعُ دَوِيَّ صَوْتِهِ وَلَا نَفْقَهُ مَا يَقُولُ حَتَّى دَنَا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَإِذَا هُوَ يَسْأَلُ عَنِ الْإِسْلَامِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَمْسُ صَلَوَاتٍ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ فَقَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَصِيَامَ رَمَضَانَ فَقَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُ قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ قَالَ وَذَكَرَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الزَّكَاةَ قَالَ هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهَا قَالَ لَا إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ قَالَ فَأَذْبَرَ الرَّجُلُ وَهُوَ يَقُولُ وَاللَّهِ لَا أَزِيدُ عَلَى هَذَا وَلَا أَنْقُصُ مِنْهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَفْلَحَ الرَّجُلُ إِنْ صَدَقَ - متفق عليه.

14- Thalhah bin Ubaidillah r.a.¹²⁵ meriwayatkan, katanya: “Pernah ada seorang lelaki¹²⁶ dari kalangan penduduk Najd datang kepada Rasulullah s.a.w. dengan rambut

menjaga wudhu’ dengan sebaik mungkin kecuali orang mu’min (yang sempurna imannya).” (Hadits riwayat Malik, Ibnu Majah, Abu Daud at-Thayaalisi, Ahmad, Ibnu Hibbaan, at-Tabaraani, Sa’id bin Manshur, Baihaqi dan lain-lain). **Antara pengajaran, pedoman dan panduan** yang dapat dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Keprihatinan para sahabat secara amnya dan Sufyan bin Abdillah Ats-Tsaqafi secara khususnya terhadap agama. (2) Sifat prihatin itulah yang mendorong mereka mengajukan berbagai-bagai bentuk soalan kepada Rasulullah s.a.w. dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan beragama mereka. (3) Kepandaian Sufyan bin Abdillah dalam mengemukakan soalan jelas menunjukkan kebijaksanaan beliau dan kesungguhannya dalam mendapatkan suatu tip atau formula beragama demi menghadapi kehidupan yang mendatang. (4) Kepentingan beriman kepada Allah berpandukan Kitab suci yang diturunkanNya dan Sunnah NabiNya secara istiqamah. (5) Kepentingan beristiqamah atas agama Islam hingga ke akhir hayat. (6) Sesetengah hadits jelas sekali berpunca daripada al-Qur’an. (7) Sesetengah hadits merupakan jawaami’ul kalim (hadits yang sedikit lafaznya, tetapi ertinya sangat luas dan mendalam). Hadits Sufyan di atas adalah salah satu daripadanya yang pernah diungkapkan oleh Rasulullah s.a.w. (8) Salah satu tanda hadits sahih ialah ma’nanya selari dengan ma’na al-Qur’an dan bertepatan dengannya. (9) Meskipun maqam istiqamah agak sukar dicapai dengan sempurna, Nabi s.a.w. tetap menganjurkan umatnya agar berusaha mencapainya sedapat mungkin. (10) Hakikat istiqamah ialah menjunjung segala titah perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya secara berterusan dengan penuh rasa ta’at setia.

¹²⁴ Selain Muslim, Ahmad, Nasaa’i, Tirmizi, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan dan al-Haakim juga turut meriwayatkannya.

¹²⁵ At-Taimi al-Qurasyi. Kuniahnya ialah Abu Muhammad. Salasilah nasab Thalhah bertemu dengan salasilah nasab Rasulullah s.a.w. pada datuk ketujuh sama seperti Saiyyidina Abu Bakar. Beliau adalah salah seorang sahabat sepuluh Rasulullah s.a.w. Salah seorang daripada lapan orang sahabat yang memeluk agama Islam di peringkat awal. Salah seorang daripada

lima orang sahabat yang memeluk agama Islam atas usaha Abu Bakar. Salah seorang daripada enam orang sahabat yang terbukti disenangi Baginda sampai ke akhir hayat dan kemudiannya dilantik oleh 'Umar sebagai ahli syura untuk memilih dan melantik khalifah sesudahnya. Thalhah telah ikut serta dalam semua peperangan yang dilancarkan oleh Rasulullah s.a.w. kecuali perang Badar. Walaupun begitu, Nabi s.a.w. tetap memberikan kepadanya habuan daripada hasil harta rampasan perang Badar seperti orang-orang lain yang telah berperang dalam peperangan Badar. Thalhah telah memainkan peranan yang sangat penting dalam peperangan Uhud. Dalam usahanya melindungi Nabi s.a.w. daripada anak panah musuh pada hari itu, sebelah tangan Thalhah telah lumpuh buat selama-lamanya. Dalam peperangan itu Thalhah telah mendapat luka kerana tikaman, panahan dan tetakan pada 24 tempat di seluruh tubuhnya. Abu Bakar apabila mengenangkan hari Uhud selalu berkata: "Hari itu semua sekali adalah hari Thalhah." Antara sabda Nabi s.a.w. tentang Thalhah ialah: (1) *طَلْحَةُ مِمَّنْ قَضَىٰ نَحْبَهُ* Bermaksud: Thalhah adalah salah seorang yang telah bertekad untuk berperang dengan orang-orang kafir sampai mati. (Hadits riwayat Tirmizi, Ibnu Majah, at-Tabaraani, Ibnu 'Asaakir dan lain-lain). (2) *مَنْ سَرَّهُ أَنْ يَنْظُرَ إِلَىٰ شَهِيدٍ يَمْشِي عَلَىٰ وَجْهِ الْأَرْضِ فَلْيَنْظُرْ إِلَىٰ طَلْحَةَ بْنِ عُبَيْدِ اللَّهِ* Bermaksud: "Sesiapa yang ingin melihat orang syahid yang berjalan di atas muka bumi, lihatlah Thalhah bin 'Ubaidillah." (Hadits riwayat Tirmizi, al-Haakim, at-Tabaraani dan lain-lain). (3) Rasulullah s.a.w. telah menggelari Thalhah dengan beberapa gelaran. Antaranya ialah: *طَلْحَةُ الْخَيْرِ* (Thalhah baik), *طَلْحَةُ الْفَيَاضِ* (Thalhah dermawan) dan *طَلْحَةُ الْجَوَادِ* (Thalhah pemurah). (lihat Mustadrak al-Haakim). Beliau telah meriwayatkan sejumlah 38 hadits. Tetapi Bukhari hanya telah meriwayatkan empat sahaja haditsnya. Thalhah meninggal dunia pada tahun 36 Hijrah ketika berumur 64 tahun.

¹²⁶ Ibnu 'Abdil Barr, Qadhi 'Iyaadh, Ibnu Batthaal, Ibnu al-'Arabi dan al-Munziri berpendapat, lelaki berkenaan bernama Dhimaam bin Tsa'labah, pengunjung Nabi s.a.w. dari qabilah Bani Sa'ad bin Bakar. Ada tiga alasan yang mendorong mereka berpendapat demikian. (1) Kerana Imam Muslim mengemukakan kisahnya selepas mengemukakan hadits Thalhah. (2) Kedua-dua orang yang mengunjungi Nabi s.a.w. itu adalah orang badwi. (3) Kedua-dua mereka di akhir pertemuannya dengan Nabi s.a.w. mengucapkan perkataan yang sama, iaitu "aku tidak akan menambah dan tidak akan mengurangnya". Tetapi Imam al-Qurthubi, al-Bulqini, an-Nawawi, Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini, Maulana 'Ubaidullah al-Mubaarakfuri dan lain-lain tidak mahu menerima orang berkenaan sebagai Dhimaam bin Tsa'labah. Kerana latar belakang kisah mereka berdua berlainan. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh mereka juga berlainan. Dalam masalah ini penulis lebih bersetuju dengan pendapat golongan kedua tadi. Untuk lebih jelas, lihatlah hadits Bukhari berikut bersama terjemahannya sebagai perbandingan di antara riwayat Thalhah di atas dengan riwayat Anas yang dengan terang mengemukakan kisah Dhimaam bin Tsa'labah: *حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ سَعِيدٍ هُوَ الْمُقْبِرِيُّ عَنْ شَرِيكَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي نَمِرٍ أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ يَقُولُ بَيْنَمَا نَحْنُ جُلُوسٌ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ دَخَلَ رَجُلٌ عَلَى جَمَلٍ فَأَنَاقَهُ فِي الْمَسْجِدِ ثُمَّ عَقَلَهُ ثُمَّ قَالَ لَهُمْ أَتَيْكُمْ مُحَمَّدٌ وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُكَيٌّ بَيْنَ ظَهْرَانِيهِمْ فَقُلْنَا هَذَا الرَّجُلُ الْإِنْبِيزُ الْمُكَيُّ فَقَالَ لَهُ الرَّجُلُ يَا ابْنَ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدْ أَجَبْتُكَ فَقَالَ الرَّجُلُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنِّي سَأَلْتُكَ فَمُشَدَّدٌ عَلَيْكَ فِي الْمَسْأَلَةِ فَلَا تَجِدُ عَلَيَّ فِي نَفْسِكَ فَقَالَ سَلْ عَمَّا بَدَا لَكَ فَقَالَ أَسْأَلُكَ بِرَبِّكَ وَرَبِّ مَنْ قَبْلَكَ اللَّهُ أَرْسَلَكَ إِلَى النَّاسِ كُلِّهِمْ فَقَالَ اللَّهُ نَعَمْ قَالَ أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ أَنَا أَمْرُكَ أَنْ نُصَلِّيَ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ قَالَ اللَّهُ نَعَمْ قَالَ أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ أَنَا أَمْرُكَ أَنْ نَصُومَ هَذَا الشَّهْرَ مِنَ السَّنَةِ قَالَ اللَّهُ نَعَمْ قَالَ أَنْشُدْكَ بِاللَّهِ أَنَا أَمْرُكَ أَنْ تَأْخُذَ هَذِهِ الصَّدَقَةَ مِنْ أَغْنِيَانَا فَتَقْسِمَهَا عَلَى فَقْرَانَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اللَّهُ نَعَمْ فَقَالَ الرَّجُلُ أَمَنْتُ بِمَا جِئْتُ بِهِ وَأَنَا رَسُولٌ مِنْ وَرَائِي مِنْ قَوْمِي وَأَنَا ضِمَامٌ بِنُ تَغْلِبَةَ أَخُو صَلَّى بَنِي سَعْدِ بْنِ بَكْرِ وَرَوَاهُ مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ وَعَلِيُّ بْنُ عَبْدِ الْحَمِيدِ عَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ الْمُغِيرَةِ عَنْ ثَابِتٍ عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِهَذَا* Bermaksud: 'Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Sa'id (al-Maqburi) daripada Syarik bin 'Abdillah bin Abi

yang tidak terurus. Gema suaranya kami dengar, tetapi kami tidak dapat menangkap (memahami) apa yang diucapkannya. Sehingga dia menghampiri Rasulullah s.a.w. Rupa-rupanya dia bertanya tentang (ajaran) Islam (yang mesti dilaksanakan). Kata Rasulullah s.a.w.: “Sembahyang lima waktu dalam sehari semalam”. Tanya lelaki itu: “Adakah sembahyang lain yang wajib ke atas saya?” Jawab Nabi s.a.w.: “Tidak ada, kecuali sembahyang sunat”.¹²⁷ Nabi s.a.w. terus bersabda: “Berpuasa (di bulan)

Namir bahawa dia mendengar Anas bin Malik bercerita: “Ketika kami sedang duduk bersama Rasulullah s.a.w. di dalam masjid, tiba-tiba datang seorang lelaki dengan menaiki unta. Setelah menurunkan untanya di dalam masjid dan mengikatnya, dia bertanya: “Siapakah di antara kamu Muhammad?” Nabi s.a.w. ketika itu sedang bertelekan di antara mereka. Kami pun menceritakan: “Lelaki putih yang sedang bertelekan itu”. Maka orang itu berkata: “Wahai anak ‘Abdil Mutthalib”. Nabi s.a.w. pun berkata: “Saya telah pun menyahut panggilanmu”. Lelaki itu berkata lagi: “Saya akan kemukakan soalan yang agak keras kepadamu, janganlah pula engkau berkecil hati”. Nabi s.a.w. bersabda: “Tanyalah apa yang terlintas di hatimu”. Orang itu pun terus berkata: “Saya mahu bertanya engkau demi Tuhanmu dan demi Tuhan orang-orang sebelummu, adakah Allah telah mengutuskan engkau kepada manusia seluruhnya?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Orang itu terus berkata: “Saya hendak bertanya engkau dengan nama Allah, adakah Allah menyuruh engkau supaya kita mengerjakan sembahyang lima waktu dalam sehari semalam?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Saya mahu bertanya engkau dengan nama Allah: “Adakah Allah menyuruh engkau supaya kita berpuasa satu bulan dalam setahun?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Orang itu berkata lagi: “Saya hendak bertanya engkau dengan nama Allah, adakah Allah menyuruh engkau supaya mengambil sedekah daripada orang-orang kaya untuk dibahagikan kepada orang-orang miskin di kalangan kita?” Nabi s.a.w. berkata: “Ya, benar”. Maka orang itu pun berkata: “Saya beriman dengan apa yang dibawa olehmu dan saya adalah utusan kaum saya yang tidak datang bersama. Saya adalah Dhimaam bin Tsahlabah saudara Bani Sa’ad Bin Bakar.” Musa dan ‘Ali bin ‘Abdil Hamid juga meriwayatkan hadits ini daripada Sulaiman bin al-Mughirah daripada Tsabit daripada Anas daripada Nabi s.a.w.

Lihatlah sendiri betapa jauhnya perbezaan di antara kisah Dhimaam bin Tsahlabah dengan kisah lelaki yang tersebut di dalam hadits Thalhah di atas!

¹²⁷ Ini adalah terjemahan kepada sabda Nabi s.a.w. لَا إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ. Perkataan إِلَّا di dalamnya adalah adaat istitsnaa’. Ia dipakai oleh Syafi’iyyah, Hanaabilah dan orang-orang yang sependapat dengan mereka sebagai istitsnaa’ munqathi’. Golongan Hanafiyyah, Maalikiyyah dan orang-orang yang sependapat dengan mereka pula memakainya sebagai istitsnaa’ muttashil. Mustatsna di dalam istitsnaa’ munqathi’ bukan dari jenis mustatsna minhu atau ia bukan sebahagian daripada hakikat mustatsna minhu. Sementara di dalam istitsnaa’ muttashil pula Mustatsna adalah dari jenis mustatsna minhu atau ia merupakan sebahagian daripada hakikat mustatsna minhu. Contoh istitsnaa’ munqathi’ yang selalu diberikan oleh ‘ulama’ Nahu ‘Arab ialah قام القوم إلا فرسا (semua orang berdiri kecuali kuda). Kuda yang dikecualikan daripada berdiri di dalam ayat ini bukan dari jenis orang atau ia bukan sebahagian daripada orang (manusia). Contoh istitsnaa’ muttashil yang selalu diberikan oleh ‘ulama’ Nahu ‘Arab pula ialah قام القوم إلا زيدا (semua orang berdiri kecuali Zaid). Zaid yang dikecualikan daripada berdiri di dalam ayat ini adalah dari jenis orang atau ia adalah sebahagian daripada orang (manusia). Orang-orang yang menganggap لَا إِلَّا di dalam sabda Nabi s.a.w. di atas sebagai

لا يجب عليك شيء إلا إن أردت أن تطوع فذلك لك

istitsnaa' munqathi' mentaqdirkannya begini: Bermaksud: Tidak ada sembahyang apa pun yang wajib atasmu (selain sembahyang lima waktu dalam sehari semalam yang disebutkan tadi), kecuali sembahyang sunat. Ia terpulang kepadamu, sama ada engkau hendak mengerjakannya ataupun tidak. Dan sama ada engkau hendak mengerjakannya sampai habis atau tidak. Orang-orang yang menganggap لا di dalam sabda Nabi s.a.w. di atas sebagai istitsnaa' muttashil pula mangatakan istitsnaa' muttashil itu adalah asal dalam bab istitsnaa'. Apabila dipakai istitsnaa' di sini sebagai istitsnaa' muttashil, maka ia akan bererti "Tidak ada sembahyang apa pun yang wajib atasmu (selain sembahyang lima waktu dalam sehari semalam yang disebutkan tadi), kecuali kalau engkau bersembahyang sunat, maka wajiblah atasmu menyempurnakannya." Ini kerana istitsnaa' muttashil selepas (ayat) nafi memberi erti itsbaat. Tidak ada siapa pun yang mengitsbaatkan sembahyang sunat itu sebagai wajib seperti sembahyang lima waktu dari asal lagi. Dengan itu itsbaat wajib di sini memberi erti wajib disempurnakan setelah memulakannya. Sebelum engkau mengerjakannya memanglah ia hanya sunat. Tetapi apabila engkau sudah memulakannya, menjadi wajiblah atasmu menyempurnakannya. Maka tidak harus engkau membatalkannya dengan sewenang-wenang tanpa ke'uzuran. Keadaan orang yang telah memulakan bersembahyang sunat itu sama seperti seseorang yang bernazar untuk bersedekah. Sebelum ia bernazar, sedekah memanglah tidak wajib atasnya. Tetapi apabila ia telah bernazar untuk bersedekah, menjadi wajiblah atasnya bersedekah. Seolah-olahnya mereka mentaqdirkan sabda Nabi tersebut begini: لا يجب عليك شيء إلا أن تطوع فيجب عليك إتمامه Bermaksud: Tidak ada sembahyang apa pun yang wajib atasmu (selain sembahyang lima waktu dalam sehari semalam yang disebutkan tadi), kecuali kalau engkau bersembahyang sunat, maka wajib atasmu menyempurnakannya. Orang-orang yang mengatakan istitsnaa' di situ adalah munqathi' mengatakan, kalau jadi wajib, biar bagaimanapun caranya, ia tidak sunat lagi, malah wajib. Sedangkan Nabi s.a.w. sebelum itu telah menafikan sembahyang yang wajib selain sembahyang lima waktu!! Golongan Hanafiyyah dan Maalikiyyah bersepakat tentang istitsnaa' di dalam sabda Nabi s.a.w. itu adalah muttashil, mereka bagaimanapun berbeda pendapat tentang adakah sembahyang sunat yang telah dimulakan, jika dibatalkan atau dihentikan sebelum menyelesaikannya, wajib diqadha' atau tidak? Golongan Hanafiyyah berpendapat, ia wajib diqadha' secara mutlaq, sama ada seseorang itu membatalkannya dengan sengaja atau kerana sesuatu ke'uzuran. Golongan Maalikiyyah pula berpendapat, tidak wajib diqadha' kecuali kalau seseorang membatalkannya dengan sengaja tanpa ke'uzuran. Selain itu kedua-dua golongan yang berbeda pendapat dalam masalah ini berpegang dengan beberapa dalil dan hujjah yang lain pula. Berikut dikemukakan terlebih dahulu dalil-dalil dan hujah-hujjah golongan Hanafiyyah dan Maalikiyyah. Antara lainnya ialah: (1) Firman Allah s.w.t. di dalam ayat di bawah ini:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوا أَعْمَالَكُمْ

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul Allah, dan janganlah kamu batalkan amalan-amalan kamu. (Muhammad: 33).

Kata mereka, ayat ini melarang kita membatalkan amalan-amalan yang telah kita mula mengerjakannya. Dan ia secara tidak langsung bererti sesuatu amalan itu walaupun sunat pada asalnya, namun setelah dikerjakan ia menjadi wajib. Kalau ia tidak wajib, kenapa Allah melarang kita membatalkannya? (2) 'Aaisyah meriwayatkan, katanya: كُنْتُ أَنَا وَحَفْصَةُ صَائِمَتَيْنِ فَجَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَدَّرْتَنِي إِلَيْهِ حَفْصَةُ وَكَانَتْ بِنْتُ أَبِيهَا قَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا فَعَرَضَ لَنَا طَعَامٌ اشْتَهَيْنَاهُ فَأَكَلْنَا مِنْهُ فَجَاءَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَغَرَضَ لَنَا طَعَامًا اشْتَهَيْنَاهُ فَأَكَلْنَا مِنْهُ فَقَالَ أَفْضِيَا يَوْمًا آخَرَ Bermaksud: "Pernah saya dan Hafshah berpuasa. Tiba-tiba diberikan kepada kami makanan idaman kami. Lalu kami memakan sebahagian daripadanya. Setelah Nabi s.a.w. datang, Hafshah bersegera mengadukan

hal kepada Baginda. Betul-betul dia anak ayahnya. Kata Hafshah: “Wahai Rasulullah! Sebenarnya kami berpuasa tadi. Tiba-tiba diberikan kepada kami makanan idaman kami. Maka kami memakan sebahagian daripadanya.” Kata Nabi s.a.w.: “Kamu berdua hendaklah mengqadha’ (mengganti) puasamu itu pada hari yang lain.” (Hadits riwayat Ahmad, Tirmizi, Nasaa’i, Ishaq bin Rahawaih, Abu Ya’la, Baihaqi dan lain-lain). Kata mereka, puasa yang dibatalkan oleh ‘Aaisyah dan Hafshah itu adalah puasa sunat. Namun begitu, Nabi s.a.w. menyuruh mereka berdua mengqadha’nya. Ini menunjukkan sesuatu amalan sunat itu apabila telah dimula, wajib disempurnakan. Dan kalau ia dibatalkan, maka wajiblah diqadha’. (3) Ibnu Syihaab meriwayatkan: *أَنَّ عَائِشَةَ وَحَفْصَةَ زَوْجَي النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَصْبَحَتَا صَائِمَتَيْنِ مُتَطَوِّعَتَيْنِ فَأَهْدِي لَهُمَا طَعَامٌ فَأَفْطَرَتَا عَلَيْهِ فَدَخَلَ عَلَيْهِمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ عَائِشَةُ فَقَالَتْ حَفْصَةُ وَبَدَرْتَنِي بِالْكَلَامِ وَكَانَتْ بِنْتُ أَبِيهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي أَصْبَحْتُ أَنَا وَعَائِشَةُ صَائِمَتَيْنِ مُتَطَوِّعَتَيْنِ فَأَهْدِي إِلَيْنَا طَعَامٌ فَأَفْطَرْنَا عَلَيْهِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَفْضِيَا مَكَانَهُ يَوْمًا آخَرَ* Bermaksud: Sesungguhnya ‘Aaisyah dan Hafshah dua orang isteri Nabi s.a.w. pernah berpagi dalam keadaan berpuasa sunat. Lalu mereka dihadihkan makanan. Mereka pun berbuka dengan memakannya. Apabila Rasulullah s.a.w. pulang, kata ‘Aaisyah: “Hafshah mendahului saya bercerita tentang apa yang telah berlaku. Betul-betullah dia anak ayahnya. Katanya: “Wahai Rasulullah! Sebenarnya pagi ini saya dan ‘Aaisyah berpuasa sunat. Tiba-tiba kami dihadihkan makanan. Maka kami berhenti berpuasa (membatalkan puasa) dengan memakan makanan itu. (Mendengar kata-kata Hafshah itu) Rasulullah s.a.w. bersabda: “Kamu berdua qadha’lah (gantikan) puasa itu pada hari yang lain.” (Hadits riwayat Malik, Ahmad, Tirmizi, Abu Daud, Nasaa’i dan Ibnu Hibbaan. Lafaz hadits yang dikemukakan ini adalah lafaz riwayat Malik). Hadits ini menunjukkan puasa yang dibatalkan oleh ‘Aaisyah dan Hafshah itu adalah puasa sunat. Namun begitu Rasulullah s.a.w. tetap menyuruh mereka mengqadha’nya apabila mereka membatalkannya. Ini mengisyaratkan bahawa sesuatu amalan sunat itu menjadi wajib apabila dimulakan. Kalau tidak, kenapa Rasulullah s.a.w. menyuruh mereka mengqadha’nya? (4) Ad-Daaraquthni dengan isnadnya meriwayatkan daripada Ummi Salamah: *أَنَّهَا صَامَتْ يَوْمًا تَطَوُّعًا فَأَفْطَرْتُ فَأَمَرَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَقْضِيَ يَوْمًا مَكَانَهُ* Bermaksud: “Sesungguhnya beliau (Ummu Salamah) pernah berpuasa sunat pada suatu hari. Kemudian membatalkannya. Maka Rasulullah s.a.w. menyuruhnya mengganti (mengqadha’) puasa itu pada hari yang lain.” (5) Al-‘Aini mengemukakan beberapa qaedah usul dalam mentarjihkan dalil-dalil pegangan mereka daripada dalil-dalil yang dipegang oleh golongan yang tidak sehaluan dengan mereka. Qaedah-qaedah itu antara lainnya ialah: (a) Ijmaa’ sahabat. Kononnya ada ijma’ sahabat tentang wajib diqadha’ sesuatu ibadat sunat yang terbatal atau dibatalkan. (b) Dalil-dalil yang menjadi pegangan mereka bersifat mutsbit dan dalil-dalil yang menjadi pegangan orang-orang yang tidak sehaluan dengan mereka pula bersifat naafi. Jelas sekali menurut qaedah usul *المثبت مقدم على النافي* (dalil yang menyabitkan sesuatu lebih diutamakan daripada dalil yang menafikannya). (c) Pendapat mereka kelihatan lebih cermat dalam bab ibadat. Dan apa yang dipertikaikan sekarang adalah bab ibadat. **Golongan Syafi’iyyah, Hanaabilah dan orang-orang yang sependapat dengan mereka pula mempertikaikan dalil-dalil yang telah dikemukakan oleh golongan Hanafiyyah dan Malikiyyah tadi. Berikut dikemukakan sebahagian daripada bantahan mereka terhadapnya menurut tertib dengan serba ringkas. Pertama: Alasan (1) berupa firman Allah itu meskipun qath’i tsubutnya, tetapi dalalahnya tidak qath’i. Dengan adanya hadits-hadits Ummu Haani’, ‘Aaisyah, Abu Sa’id dan lain-lain yang walaupun tidak qath’i tsubutnya, namun dalalahnya adalah qath’i tanpa sebarang keraguan tentang pelaku sesuatu amalan sunat itu bebas memilih, sama ada untuk meneruskan amalan yang telah dimulakannya atau berhenti saja tanpa perlu mengqadha’nya kemudian. Lihatlah hadits-hadits mereka itu di bawah ini:**

(a) Ummu Haani' meriwayatkan, katanya: كُنْتُ قَاعِدَةً عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَتَى بِشَرَابٍ فَشَرِبْتُ مِنْهُ ثُمَّ نَاولني فَشَرِبْتُ مِنْهُ فَقُلْتُ إِنِّي أَذْنَبْتُ فَاسْتَغْفِرْ لِي فَقَالَ وَمَا ذَاكَ قَالَتْ كُنْتُ صَائِمَةً فَأَفْطَرْتُ فَقَالَ أَمِنْ قَضَاءٍ كُنْتَ تَقْضِيهِ قَالَتْ لَا بِمَعْنَى بَرَاءَةٍ فِيهِ شَرَابٍ فَناولته فشرب منه ثم ناوله أم هاني فشربت منه فقالت يا رسول الله لقد أفطرت وكنت صائمة فقال لها أكنبت Bermaksud: Pernah saya berada dekat Nabi s.a.w. Tiba-tiba dibawakan minuman kepada Baginda. Baginda s.a.w. meminum sebahagian daripadanya lalu menghulurkan pula kepadaku. Terus saya meminum minuman itu. Kemudian saya berkata: "Sesungguhnya saya telah berdosa. Minta ampunlah untuk saya". Nabi s.a.w. lantas bertanya: "Dosa apa?". Kata Ummu Haani': "Sebenarnya saya berpuasa tadi. Kemudian memutuskannya". Rasulullah bertanya lagi: "Adakah engkau berpuasa qadha'?" Kata Ummu Haani': "Tidak." Kata Nabi s.a.w.: "Kalau begitu tidak mengapa." (Hadits riwayat Tirmizi, Nasaa'i, at-Thabaraani, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). Di dalam riwayat Abu Daud Ummu Haani' dilaporkan berkata begini: لما كان يوم الفتح - فتح مكة - جاءت فاطمة فجلست على يسار رسول الله صلى الله عليه وسلم وأم هاني عن يمينه فجاءت الوليدة ببناء فيه شراب فناولته فشرب منه ثم ناوله أم هاني فشربت منه فقالت يا رسول الله لقد أفطرت وكنت صائمة فقال لها أكنبت Bermaksud: Pada hari pembukaan Mekah, Fathimah datang. Dia duduk di sebelah kiri Rasulullah s.a.w. Ummu Haani' di sebelah kanan Baginda. Lalu seorang hamba sahaya wanita datang dengan membawa sebekas minuman. Dihulurnya bekas itu kepada Baginda. Setelah meminum sedikit, Baginda s.a.w. menghulurkannya kepada Ummu Haani'. Ummu Haani' meminum minuman di dalam bekas itu dan berkata: "Saya sebenarnya berpuasa tadi, tetapi telah berbuka sekarang. Nabi s.a.w. bertanya Ummu Haani', adakah engkau berpuasa qadha'?" Jawab Ummu Haani': "Tidak". Kata Nabi s.a.w.: "Tidak mengapa kalau puasa sunat." Ishaq bin Rahawaih di dalam Musnadnya juga telah meriwayatkan satu hadits yang sama ma'nanya dengan ma'na hadits Abu Daud ini. Hadits Ummu Haani' ini jelas menunjukkan amalan sunat yang telah dimulakan, jika dibatalkan tidak perlu diqadha'. Ia secara tidak langsung menunjukkan amalan sunat itu tidak menjadi wajib setelah dimulakan. (b) 'Aaisyah Ummul Mu'minin meriwayatkan, katanya: دَخَلَ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ فَقَالَ هَلْ عِنْدَكُمْ شَيْءٌ فَقُلْنَا لَا قَالَ فَإِنِّي إِذْ صَائِمٌ ثُمَّ أَتَانَا يَوْمًا آخَرَ فَقُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَهْدِي لَنَا خَبِيسٌ فَقَالَ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَلِكَ يَوْمٌ فَفَعَلْنَا بِمَا أَمَرَ بِهٖ فَصَائِمٌ أَرَيْنِيهِ فَلَقَدْ أَصْبَحْتُ صَائِمًا فَكُلْتُ Bermaksud: Pada suatu hari Rasulullah s.a.w. masuk ke rumahku. Beliau bertanya: "Adakah apa-apa (makanan) pada kamu (di rumah). Jawab kami: "Tidak ada". Beliau berkata: "Kalau begitu saya berpuasa saja". Pada suatu hari yang lain, Beliau datang pula ke rumah kami. Kami berkata: "Wahai Rasulullah, ada kekoleh dihadihkan kepada kami. Kata Rasulullah s.a.w.: "Tunjukkan kepadaku. Sebenarnya hari ini aku puasa". Lalu Beliau makan (kekoleh itu). (Hadits riwayat Muslim, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah dan lain-lain). Hadits ini menunjukkan sesuatu amalan sunat tidak menjadi wajib dengan dimula mengerjakannya. Kalaupun ia menjadi wajib, niscaya Nabi s.a.w. tidak akan membatalkan puasa yang telah dimulakannya. (c) Abu Sa'id al-Khudri meriwayatkan, katanya: صَنَعْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَعَامًا فَلَمَّا وَضَعَ قَالَ رَجُلٌ أَنَا صَائِمٌ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعَاكُمْ بِنِعْمَةٍ لَكُمْ وَتَكُلُّوا لَكُمْ وَتَقُولُوا إِنِّي صَائِمٌ أَفْطَرْتُ. وَصَمَّ يَوْمًا مَكَانَهُ إِنْ شِئْتَ Bermaksud: Pernah saya buat makanan untuk (menjamu) Nabi s.a.w. Setelah makanan itu dihidangkan, ada seorang lelaki berkata: "Saya puasa". Maka Nabi s.a.w. bersabda: "Saudaramu telah menjemputmu makan. Dia telah bersusah payah membuat makanan untukmu. Kamu pula berkata: "Saya puasa". Berbukalah dan berpuasalah pada hari yang lain sebagai gantinya jika engkau mahu." (Hadits riwayat at-Thabaraani di dalam al-Mu'jam al-Ausathnya, Abu Daud at-Thayaalisi di dalam Musnadnya dan al-Baihaqi di dalam Sunannya. Hadits ini bertaraf hasan). Dalam bab hukum apa yang diambil kira ialah dalalah bagi sesuatu dalil, bukan tsbutnya semata-mata. Menjadikan ayat tersebut sebagai dalil tentang wajibnya menyempurnakan sesuatu amalan sunat yang telah dimulakan bererti mentarjihkannya dalil yang bersifat zanni dalalahnya daripada dalil yang qath'i dalalahnya. Tidak syak lagi ia bererti mentarjihkannya dalil yang marjuh (tidak kuat). Kedua: Ayat

tersebut terlalu umum, sedangkan hadits-hadits Ummu Haani', 'Aaisyah dan Abu Sa'id yang dikemukakan tadi adalah lebih khusus. **Ketiga:** Larangan Allah di dalam ayat tersebut adalah berkaitan dengan membatalkan pahala amalan di akhirat apabila ia dilakukan dengan maksud menunjuk-nunjuk atau bermegah-megah dan sebagainya. Ia langsung tiada kena mengena dengan membatalkan amalan sunat yang telah dimulakan menurut sudut pandang fiqh. Ayat lain yang lebih kurang serupa dengan ayat di atas ialah ayat berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ رِثَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ

صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ صَلْدًا لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦٤﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana hendak menunjuk-nunjuk kepada manusia (ria'), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah seperti batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin (tidak bertanah lagi). (Demikianlah juga halnya orang-orang yang kafir dan ria' itu) Mereka tidak akan mendapat sesuatu (pahala) pun dari apa yang mereka usahakan; dan (ingatlah), Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir. (Al-Baqarah: 264). Ayat 264 dari Surah al-Baqarah ini kiranya dapat menjelaskan erti membatalkan amalan yang dilarang Allah di dalam ayat 33 Surah Muhammad yang dijadikan sebagai dalil itu. Kesimpulan daripada kedua-dua ayat itu ialah Allah melarang kita melakukan sesuatu amalan tanpa ikhlas kepadaNya. **Dalil kedua dan ketiga golongan Hanafiyyah dan Malikiyyah** dalam perkara ini ialah hadits 'Aaisyah. Hadits 'Aaisyah dianggap mereka sebagai qarinah kepada istitsna' di dalam hadits yang sedang kita bicarakan sekarang sebagai istitsnaa' muttshil. Dalil ini juga dipertikaikan. Antara alasan golongan yang mempertikaikannya ialah: (a) Ia adalah hadits mursal. Mengikut pendapat yang sahih hadits mursal bukan hujah. Kata al-Khallaal: "Para tsiqaat bersepakat tentang mursalnya. Orang yang memaushulkannya adalah syaz. Para huffaz sekata dalam menghukum dha'if hadits 'Aaisyah itu. (b) Ia juga dha'if kerana terdapat di dalam isnadnya Ja'far bin Burqaan. Dia dha'if dalam riwayatnya daripada Zuhri. (c) Imam Ahmad, Bukhari dan Nasaa'i pula menghukum hadits itu dha'if kerana majhulnya seorang perawinya yang bernama Zumail. Riwayatnya dikemukakan oleh Abu Daud. (d) Jika diandaikan hadits 'Aaisyah itu sahih sekalipun, ia masih tidak jelas menunjukkan sesuatu amalan sunat yang dibatalkan wajib diqadha'. Perintah Nabi s.a.w. itu mungkin juga memberi erti sunat atau elok diqadha' sahaja. **Dalil keempat mereka pula** ialah hadits Ummu Salamah yang diriwayatkan oleh ad-Daaraquthni. Isnadnya adalah seperti berikut: حَدَّثَنَا الدَّارِقُطْنِيُّ حَدَّثَنَا الْحُسَيْنُ بْنُ الْحُسَيْنِ الْأَنْطَاكِيُّ حَدَّثَنَا يُونُسُ بْنُ بَحْرٍ حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ عَبْدِ رَبِّهِ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ حَمِيدٍ عَنْ الصَّنَّاعِ بْنِ حَمْزَةَ عَنْ مَنصُورِ بْنِ أَبِيانَ عَنْ الْحَسَنِ عَنْ أُمِّهِ عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ. Di dalamnya terdapat perawi yang dipertikaikan. Ibnu al-Jauzi di dalam kitabnya al-'Ilal al-Mutanahiyah dan at-Tahqiq fi Ahaadits al-Khilaaf mengisyaratkan kepada dua orang daripadanya. Pertamanya ialah ad-Dhahhaak bin Hamzah. Dia bertafarrud (bersendirian) dalam meriwayatkan hadits Ummu Salamah itu. Sedangkan dia sendiri adalah seorang yang dha'if. Kata Yahya: لَيْسَ بِشَيْءٍ (seorang perawi dha'if). Keduanya ialah Muhammad bin Humaid. Abu Zur'ah berkata: "Muhammad bin Humaid adalah seorang pendusta besar." Tiga qaedah usul yang dikemukakan oleh Al-'Aini untuk mentarjihkan dalil-dalil pegangan Hanafiyyah daripada dalil-dalil yang dipegang oleh golongan yang tidak sehaluan dengan mereka, dipertikai kesemuanya. Petamanya ijmaa' sahabat. Kata Syeikhul hadits Maulana 'Ubaidullah al-Mubaarakfuri: "Da'waan ijma' sahabat hanyalah da'waan kosong semata-mata. Tiada langsung sanadnya. Kerana itu ia tidak harus

Ramadhan". Tanya lelaki itu: "Adakah puasa lain yang wajib atas saya?" Jawab Nabi: "Tidak ada, kecuali puasa sunat". Nabi s.a.w. menyebutkan juga kepadanya tentang (kewajipan membayar) zakat. Tanya lelaki itu: "Adakah saya perlu membayar apa-apa lagi selain zakat itu?" Jawab Nabi: "Tidak, kecuali dalam bentuk sedekah-sedekah yang sunat". Kata perawi: "Lelaki itu pergi sambil berkata: "Demi Allah, aku tidak akan menambah dan mengurangnya".¹²⁸ Maka bersabdalah Rasulullah s.a.w.: "Beruntunglah lelaki itu kalau dia menepati apa yang diucapkannya." (Bukhari, Muslim).

Erti Beriman Kepada Allah Sahaja

١٥- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ إِنَّ وَفْدَ عَبْدِ الْقَيْسِ لَمَّا أَتَوْا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
مِنَ الْقَوْمِ أَوْ مِنَ الْوَفْدِ قَالُوا رِبْعَةُ قَالَ مَرْحَبًا بِالْقَوْمِ أَوْ بِالْوَفْدِ غَيْرَ خَزَايَا وَلَا نَدَامَى قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا لَا نَسْتَطِيعُ
أَنْ نَأْتِيكَ إِلَّا فِي الشَّهْرِ الْحَرَامِ وَبَيْنَنَا وَبَيْنَكَ هَذَا الْحَيُّ مِنْ كُفَّارٍ مُضَرٍّ فَمُرْنَا بِأَمْرِ فَصَلِّ نُخْبِرْ بِهِ مَنْ وَرَاءَنَا وَنَدْخُلْ بِهِ
الْجَنَّةَ وَسَأَلُوهُ عَنِ الْأَشْرِيَةِ فَأَمَرَهُمْ بِأَرْبَعٍ وَنَهَاهُمْ عَنْ أَرْبَعٍ أَمَرَهُمْ بِالْإِيمَانِ بِاللَّهِ وَخَدَهُ قَالَ أَتَذَرُونَ مَا الْإِيمَانُ بِاللَّهِ وَخَدَهُ
قَالُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَعْلَمُ قَالَ شَهَادَةٌ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَصِيَامُ رَمَضَانَ

diterima." Kemudian beliau berkata: "Tidak ada satu pun nas yang menunjukkan mana-mana sahabat ada berpendapat, wajib disempurnakan amalan sunat setelah ia dimulakan. Apa lagi hendak dikatakan mereka telah ijma' berpendapat begitu. Da'waan ijma' semata-mata tanpa bukti tidak layak diberi perhatian, setelah adanya nas-nas yang terang tentang tidak wajib. Qaedah kedua yang dikemukakan oleh al-Aini juga tidak dapat bertahan, kerana qaedah المثبت (dalil yang menyabitkan sesuatu lebih diutamakan daripada dalil yang menafikannya) itu hanya terpakai apabila kedua-dua dalil mutsbit dan naafi sama kuat. Adapun dalam masalah ini dalil yang menafikan kewajipan itu lebih kuat, lebih banyak dan lebih sahih daripada dalil yang menyabitkannya. Maka dalil naafilah yang patut diutamakan. Qaedah ketiga yang dikemukakan beliau juga lemah sebenarnya. Bukan sifat cermat (ihtiyath) namanya menjadikan sesuatu sebagai wajib tanpa dalil yang kukuh. Sifat cermat terletak pada beramal dengan sunnah yang sahih, sama ada ia menyabitkan kewajipan atau menafikannya. Qaedah usul juga menyebutkan الأصل براءة الذمة (pada asalnya kita bebas daripada tanggungan dan bebanan), sehinggalah datang syariat menentukan sesuatu perkara dengan dalil-dalil yang kukuh.

¹²⁸ Kata-kata lelaki yang tersebut di dalam hadits Thalhah ini lebih kurang sama saja dengan kata-kata seorang Arab dusun (badwi) yang tersebut di dalam hadits ke 12 dari Abu Hurairah sebelum ini. Penyelesaian kemusykilan tentangnya boleh dilihat pada nota: 117 dan 118 yang lalu.